



## **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**

### **PERUTUSAN TAHUN BARU 2017**



*Assalamualaikumwarahmatullahi wabarakatuh dan Salam  
1Malaysia.*

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan rahmatNya, kita kini berada di penghujung tahun 2016. Sesungguhnya, masa beredar dengan begitu pantas dan telah menjadi kebiasaan apabila tiba tahun baru, kita membina azam baru untuk dijadikan sebagai arah tuju dan panduan kita dalam usaha melestarikan pengurusan sumber asli dan alam sekitar.

Bagi kita di Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), secara amnya ia tertumpu kepada usaha untuk terus memperkuuh perundangan berkaitan dan penguatkuasaan bagi memastikan alam sekitar kita sentiasa terpelihara di samping menjayakan pembangunan

sosio-ekonomi negara, mengatasi cabaran dan persaingan global dalam usaha mencapai status negara berpendapatan tinggi.

Alhamdulillah, Kementerian serta Jabatan/Agensi telah banyak menempa kejayaan pada tahun 2016. Di antaranya ialah kejayaan kita dalam membendung kejadian jerebu merentasi sempadan, penggubalan Rang undang-undang berkenaan Akses kepada Sumber Biologi dan Perkongsian Faedah (RUU ABS), pindaan kepada Kanun Tanah Negara (KTN), Akta Pengambilan Tanah dan Akta Hakmilik Strata, penggubalan Akta FRIM, penjenamaan semula Hari Alam Sekitar Negara (HASN 2016), penyediaan Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2016-2025, penubuhan Tabung Amanah Konservasi Sumber Asli Nasional dengan peruntukan sejumlah RM10 juta sebagai bukti komitmen Kerajaan dalam menyediakan persekitaran yang bersih, selamat, sihat serta produktif bagi generasi masa kini dan masa hadapan.

Manakala di peringkat antarabangsa, cadangan Malaysia untuk mengeluarkan spesis buaya tembaga dari Appendiks I ke Appendiks II CITES bagi membolehkan spesies ini diperdagangkan melalui sumber yang diambil daripada habitat semulajadi telah dipersetujui oleh negara-negara Parti.

Seterusnya, Malaysia telah menjadi negara Parti yang ke-111 kepada *Paris Agreement* selepas menandatangani perjanjian tersebut pada 22 April 2016 dan meratifikasikannya pada 16 November 2016. Malaysia turut diberi kepercayaan untuk mengambil alih Kepengerusian Dalam *Group of Like-Minded Megadiverse Countries (LMMC)* bagi tempoh 2017-2018 bagi mewakili Wilayah Geografi Asia dan perlantikan wakil NRE sebagai ahli *Cartagena Protocol Compliance Committee*.

Selain itu, Malaysia telah mengemukakan pelan tindakan perubahan iklim yang dinamakan *Intended Nationally Determined Contributions (INDC)* kepada United Nations Framework Convention on Climate Change (UNFCCC) pada 27 November 2015. Melalui INDC, Malaysia berhasrat untuk mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah hijau (GHG) sebanyak 45% berdasarkan Keluaran Dalam Negara Kasar (GDP) menjelang 2030 berasaskan intensiti pelepasan pada tahun 2005.

Kejayaan-kejayaan tersebut jelas membuktikan komitmen NRE serta Jabatan/Agensi di bawahnya selaku *focal point* dalam menguruskan isu-isu sumber asli dan alam sekitar negara sesuai dengan peredaran masa sama ada di peringkat kebangsaan mahupun di peringkat antarabangsa.

Bagi menghadapi tahun-tahun mendatang, saya ingin menyeru agar NRE serta Jabatan/Agensi dapat mengkaji semula mana-mana prosedur atau undang-undang berkaitan yang sudah tidak relevan lagi yang menghalang ‘*progress*’ sesuatu program atau projek dengan membuat kajian semula agar ia bersesuaian dengan peredaran masa. Ini bukan sahaja bertujuan untuk menambah baik mutu penyampaian perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat agar sesuatu isu alam sekitar dapat ditangani dengan sebaiknya malah menjadi salah satu indikator yang diambil kira oleh Bank Dunia dalam *Easy of Doing Business Report* yang akhirnya mampu meningkatkan daya saing negara dalam usaha menarik minat para pelabur ke Malaysia.

Sempena kehadiran tahun 2017, saya ingin menyeru agar aktiviti penguatkuasaan dapat dipertingkatkan lagi bagi membanteras aktiviti jenayah hidupan liar, pembalakan haram, pembukaan tanah secara haram dan pencemaran sumber air. Sehubungan itu, melalui pendekatan *New Blue Ocean Strategy* seperti Program 1MBEON (1Malaysia Biodiversity Enforcement Operation Network) serta melalui perkhidmatan bantuan teknikal oleh Makmal Forensik Hidupan Liar Kebangsaan, NRE akan memastikan pesalah-pesalah laku alam sekitar dikenakan hukuman yang setimpal dengan jenayah yang dilakukan.

Kerajaan melalui NRE telah memperkenalkan dasar, garis panduan serta menguatkuasakan pelbagai undang-undang berkaitan dengan alam sekitar. Dasar, garis panduan dan undang-undang ini perlu dijadikan panduan oleh semua pihak termasuk Kerajaan-Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi memastikan sumber asli dan alam sekitar diurus secara lestari. Dalam melaksanakan projek-projek pembangunan negara, adalah penting bagi setiap pihak yang terlibat dalam pembangunan untuk mengimbangi keperluan masyarakat dan perlindungan alam sekitar dengan sewajarnya.

Di samping itu, dalam usaha memastikan negara bebas daripada ancaman banjir, kerajaan melalui NRE sentiasa melaksanakan program Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di seluruh negara dan ia akan dipergiatkan lagi bagi tahun 2017 untuk memastikan kesejahteraan hidup rakyat sentiasa terpelihara. Seiring dengan prinsip "**Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan**", program RTB akan diberi keutamaan oleh NRE yang akan memberi impak kepada kesejahteraan rakyat. Ini seiring dengan hasil pembentangan Bajet 2017 oleh YAB Perdana Menteri di Parlimen baru-baru ini yang menyentuh mengenai klauster di bawah *Rakyat – Centric Projects* berkenaan *Touchpoints* Bajet 2017 di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) berhubung perkara meneruskan 69 Projek Rancangan Tebatan Banjir dengan peruntukan sebanyak RM495 juta.

Sebagai salah satu daripada 12 buah negara Mega Biodiversiti, sumber-sumber biodiversiti kita mempunyai potensi yang besar untuk dibangunkan bagi menjana kekayaan baharu atau *New Source of Wealth Creation* seperti yang terkandung di dalam *New Economic Model* 2010 yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri. Bagi memastikan khazanah penting negara ini dapat dipertontonkan kepada rakyat dan tatapan generasi di masa hadapan, adalah penting agar sumber biologi negara seperti flora, fauna, mikroorganisma serta komponennya yang dijumpai di negara ini dikaji dan disimpan segala maklumat mengenainya di sebuah gedung atau galeri yang merakamkan maklumat-maklumat penting mengenai kekayaan khazanah sumber asli negara itu.

Usaha-usaha bagi meningkatkan kesedaran masyarakat dalam memelihara alam sekitar khususnya kesedaran ke atas kepentingan memelihara dan memelihara khazanah hutan kita adalah amat penting. Kita perlu memahami bahawa fungsi hutan adalah pelbagai dan "*beyond forest*" dan bukannya berunsurkan pembalakan semata –mata. Di sini juga, suka saya menyarankan agar seluruh rakyat Malaysia menyemai sikap menghargai dan menyayangi hutan agar hutan kita terus dipelihara dan dipulihara untuk manfaat generasi kini dan akan datang.

Dalam usaha memelihara dan memulihara alam sekitar, bukan pihak kerajaan sahaja yang harus dipertanggungjawabkan, tetapi semua

golongan masyarakat perlu mempunyai tanggungjawab masing-masing dalam aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Sejajar dengan program transformasi kerajaan, saya turut berharap warga NRE akan terus meningkatkan pengetahuan dan kemahiran, memperkayakan pengalaman serta bertindak secara proaktif, kreatif dan inovatif dalam menyumbang kepada budaya kerja berprestasi tinggi. Kita perlu sentiasa menerapkan inovasi dalam usaha penambahbaikan urusan kerja sehari-hari kerana ini pastinya dapat membantu mengurangkan karenah birokrasi di samping mempercepatkan proses membuat keputusan dalam organisasi yang seterusnya dapat memenuhi ekspektasi rakyat.

Sempena kehadiran tahun baru ini, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Tahun Baru 2017 kepada semua rakyat Malaysia termasuk warga NRE serta Jabatan dan Agensi di bawahnya. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada semua warga NRE dan Jabatan/Agensi di atas sumbangan mereka ke arah menjayakan semua program Kementerian sepanjang tahun 2016. Semoga komitmen ini diteruskan pada tahun 2017 dengan tumpuan dalam merealisasikan visi Kementerian iaitu, “Menerajui Pengurusan Sumber Asli dan Pemuliharaan Alam Sekitar secara Berkekalan”.

Saya yakin sekiranya kita melakukannya dengan bersungguh-sungguh dengan penuh rasa tanggungjawab dan keikhlasan, insya-Allah. kita akan berjaya.

Selamat Menyambut Tahun Baru 2017.

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR**